

Peratus perbelanjaan telefon mudah alih adalah seperti berikut:

| | % |
|-------------------|-------|
| RM50 dan ke bawah | 50.3 |
| RM50 – RM100 | 31.6 |
| Rm100 – RM150 | 9.0 |
| RN150 – RM200 | 3.2 |
| RM200 dan ke atas | 6.0 |
| Jumlah | 100.0 |

Pemilihan untuk menggunakan pelan prabayar adalah satu keputusan yang bijak, kerana pengguna dapat mengawal perbelanjaan telefon mudah alih mereka, selain itu tidak perlu membayar komitmen bulanan. Secara umum boleh dikatakan langganan prabayar mendapat sambutan baik, bukan sahaja di luar bandar malah di kawasan bandar juga.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : Dr. Azman bin Ismail
[Kuala Kedah]**

TARIKH : 17 Jun 2014 (Selasa)

SOALAN : 108

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] minta MENTERI
PENGANGKUTAN menyatakan kos sebenar pembinaan KLIA 2.**

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kos sebenar pembinaan KLIA2 adalah RM3.9 billion.

Kos terperinci bagi pembinaan klia2 mengikut pecahan utama adalah seperti berikut:

A. Bagi pembinaan terminal, runway dan infrastruktur berkaitan, nilai kontrak yang diberikan oleh pihak MAHB (termasuk kos-kos lain seperti pengurusan projek, bayaran perunding, *Visual Docking Guidance System*, *Passenger Boarding Bridge* dan projek penswastaaan) adalah sebanyak dalam RM3.38 billion. Perincian kos bagi pakej-pakej utama adalah seperti berikut:

1. Bangunan Terminal KLIA2 yang di berikan kepada UEM-Bina Puri JV dengan nilai kontrak sebanyak RM1.14 billion
2. Pembinaan Runway 3 dan sistem taxiway oleh KUB Berhad sebanyak RM247 juta
3. 'Aircraft stands" dengan nilai kontrak sebanyak RM543 juta
4. Kerja-kerja tanah untuk bangunan terminal, apron dan Runway 3 sebanyak RM524 juta
5. Kos pembinaan infrastruktur dan utiliti adalah sebanyak RM222 juta.

6. Parallel Taxiway to Runway 2 dan Cross Taxiway dengan nilai kontrak sebanyak RM161 juta.

B. Bagi pembinaan aset-aset kerajaan yang berkaitan dengan pengoperasian KLIA2, jumlah kos yang ditanggung oleh MAHB untuk pembinaan aset-aset kerajaan ini adalah sebanyak RM582 juta (ini termasuk pembinaan jalan penyelenggaraan tambahan, pemindahan kerja utiliti dan bayaran konsultan bagi aset-aset kerajaan).

Aset-aset ini adalah seperti berikut:

1. Menara kawalan yang baru berserta peralatannya berharga RM174 juta yang dibina oleh Perkasa Jauhari
2. Pembinaan penghubung jalan untuk kemudahan awam adalah sebanyak RM294 juta.